

**Conference e-Proceedings**

*eISBN 978-967-2072-43-0*

*Physical & Online*



# I-RoLE 2023

INTERNATIONAL CONFERENCE OF  
RESEARCH ON LANGUAGE EDUCATION 2023

**EMBRACING CHANGE:  
EMANCIPATING THE LANDSCAPE  
OF RESEARCH IN LINGUISTIC,  
LANGUAGE AND LITERATURE**

**13 - 14 MARCH 2023**

**NOBLE RESORT HOTEL MELAKA  
MALAYSIA**

**ORGANISER**



Cawangan Melaka



**UNIVERSITI  
MELAKA**  
UMEL



**UTM**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**CONFERENCE MANAGER**



WMIT GROUP SDN BHD  
138118-A



eISBN 978-967-2072-43-0

Physical & Online

**I-RoLE 2023**

INTERNATIONAL CONFERENCE OF RESEARCH  
ON LANGUAGE EDUCATION 2023

Conference e-Proceedings

International Conference of Research on Language Education 2023

13-14 March 2023 • Noble Resort Hotel, Melaka



**Conference e-Proceedings  
International Conference of Research on  
Language Education 2023  
e-ISBN: 978-967-2072-43-0**

**“Embracing Change: Emancipating the Landscape of  
Research in Linguistics, Language and Literature”**

**13-14 March 2023  
Noble Resort Hotel, Melaka  
*Physical and Online Conference***

**ORGANISER**



**CO ORGANISERS**



**CONFERENCE MANAGER**





## EDITORIAL BOARD

### Chairman

Dr. Ameiruel Azwan bin Ab Aziz  
*Universiti Teknologi MARA*

### Committee Member

Fazlinda binti Hamzah  
*Universiti Teknologi MARA*

Mohd Azlan Shah bin Sharifudin  
*Universiti Teknologi MARA*

Dr. Amirah binti Mohd Juned  
*Universiti Teknologi MARA*

### Coordinator

Zesdyzar Rokman  
*WMIT Group Sdn Bhd*

Rozielawati Rosli  
*WMIT Group Sdn Bhd*

*All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system, or transmitted in any form or any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without prior permission, in writing, from the publisher.*

*The views and opinions expressed therein are those of the individual authors and any statements in this publication do not imply endorsement by the publisher or the editorial staff.*

e ISBN 978-967-2072-43-0



Publisher:  
Zes Rokman Resources (2131022-P)  
Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan



**Conference e-Proceedings**  
**International Conference of Research on Language Education 2023**  
**e-ISBN: 978-967-2072-43-0**

**Table of Contents**

No.	Title	Page Number
1.	Galaxy Tense A+: The Effectiveness of English Tenses Board Game Among Tertiary Students	6
2.	Graphic Design Website: Exploring Market Needs for Services	14
3.	Beyond What Eye Saw	21
4.	Creative Writing: Through Her Eyes - Tales of The Heart	28
5.	Let's Play Phonetic Charades	34
6.	A Visual Novel Game on Social Anxiety	40
7.	Skin Care with Fisha: New Media Content Creation for Basic Skincare Education	48
8.	e-Book of Poem Collections	55
9.	Toodles: Flashcards for Children	61
10.	Digital Flashcards (Tenses)	68
11.	Investigating Students' Concerns on The Development of Masterly!	74
12.	Googly Eyes: A Game to Improve English Usage Among Teenagers	80
13.	Providing Subtitles for Malaysian YouTuber	86
14.	Read and Play: Improving Adolescent's Reading Skills Through Video Games	91
15.	Thoughts by Her Soul Bookmark	99
16.	The Comedy of Errors Simplified: "Egeon's 18Th Reasons Why"	105
17.	Oliver Green: Improving Homonyms Understanding Through Comics	112
18.	PWSP: Phonetic Word Search Puzzle Book	117
19.	Floriography	121
20.	A Preliminary Study on The Young Adult's Perception of Learning English Using the Website: Swifties Read	126
21.	A Place for Poets: An Online Poetry Recitation Series	133
22.	Say It Right with Ya	140
23.	Don't Touch My No-No Square	150
24.	Templatify: An E-Book Collection of Ecards Templates	158
25.	Short Story: Disease Takes Happiness Away	164
26.	Dusted Lines: A Compilation of Self-Written Poems	170
27.	'What's Your Philosophy?' An Edutaining Card Game	177
28.	Be Cool, Not Cruel	185
29.	Grammar Made Fun with TikTok	192
30.	Interactive Journaling as A Mental Health Coping Strategy for Youths	201
31.	Learned – Spoken: Manglish	212
32.	Lost in the Labyrinth of My Mind	218
33.	Translation of Abqorie's Fardhu Ain Module for Smart Tahfiz & Transit Abqorie	225
34.	Poetry for Us: Expressing Feelings Through Creative Writing	231
35.	Lyacomms' Proofreading and Editing Service	238



No.	Title	Page Number
36.	The Effectiveness Of ‘Master the Verbs’ Instagram Flashcards Among Year Six Low Proficiency Level Students	244
37.	My Malay Fables	252
38.	Talking Story: eBooks to Improve Reading Comprehension Skills	259
39.	Exploring Creative Writing as A Tool to Enhance Mental Health	272
40.	Movie Moo	281
41.	English Pitstop	288
42.	Upin Ipin Reding Kit	294
43.	Seventy-Two Beats a Second	301
44.	Knowing Kristang	308
45.	Creatorslation: The Role of Technology in Translation Service	313
46.	Travel Guide as a Medium to Improve English Comprehensiveness	319
47.	Posterlance	328
48.	Crossfunetics	336
49.	The Effectiveness of Board Games to Promote Student Attention and Enjoyment in English Subject	342
50.	The Use of e-Books and Social Media in Introducing Malaysian Folklores Among Children	352
51.	Creepypodcast YouTube Channel	357
52.	Mastermind’: English Board Game	363
53.	한국어 In Melayu!	369
54.	Triple P with Sang Kancil: Pronunciation, Phonetics, and Playbook	376
55.	"So, She Reads" Book Blog	383
56.	Abbyfication: A Grammar-Based Word Game	389
57.	Klick! A Content Writing Service	396
58.	The Love Levanter Podcast	403
59.	Let’s Talk Feelings Podcast	409
60.	Grafixmoon: Poster Designing Service	415
61.	The Circle of Life	422
62.	Hops the Dwarf	430
63.	Malay Corner: Learning Malay Through Discord	435
64.	Movie: This and That	441
65.	Phone the Phonetics: Phonetic Flashcards	449
66.	And What If?	455
67.	Interrupted: Life in A Podcast	458
68.	@Phoneticisfun	463
69.	Culinary and Creative Writing: When Two Worlds Collide	468
70.	Talk in Senses	473
71.	Piano Pleasure Course	480
72.	Step by Step: A Motivational Instagram Account	486
73.	Figurative Language! An Educational Autobiography	492
74.	Of Power, Devotion and Betrayal: A Collection of Malaysian Princesses’ Folklores	499
75.	Tell Me, How’s Everything? An Anthology of Poems to Increase the Understanding of Figurative Language	505



No.	Title	Page Number
76.	Oh, Lendu Youth	513
77.	Living the Hard Life	520
78.	Mirror, Mirror, on the Wall, Who Is the Best of Us All?	528
79.	Beyond the Crowded Space: The Use of Podcast in Improving Psychological Well-Being	535
80.	Samdil: Same Music, Different Language	541
81.	Bejalai: A YouTube Journey	547
82.	Mind Your Language	552
83.	Pop Music Podcast: A Bop or A Flop?	560
84.	Exploring The English Language Teachers' Beliefs And Practices In Implementing CEFR-Aligned Formative Assessment In Malaysian Primary Schools	570
85.	Pencapaian Ucapan Bayi Sejak Lahir Hingga Dua Belas Bulan	575
86.	Mengkaji Makna Bahasa Lukisan Kanak - Kanak Muda Usia 0-3 Tahun	585
87.	Penelitian Terhadap Kesiapan, Motivasi Dan Faktor Persekitaran Murid Bukan Penutur Natif Terhadap Pembelajaran Dan Pemudahcaraan Karangan Respon Terbuka Di Sekolah Antarabangsa Kuala Lumpur	599
88.	Pengaruh Bahasa Ibunda Dalam Kalangan Murid Bukan Melayu Tahun 5 Semasa Menulis Karangan: Satu Kajian Kes	610
89.	Meningkatkan Penguasaan Penulisan Karangan Naratif Murid Tahun 6 Menggunakan Kit Ikan Karang	619
90.	Pengaruh Dialek Kedah Terhadap Fonetik Dan Leksikal Kata Soal Pelajar Pispmp: Satu Kajian Kes	633
91.	Tahap Pengetahuan Guru Pelatih Mempengaruhi Kekekapan Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (Kbat) Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Subjek Bahasa Melayu	643

# PENGARUH BAHASA IBUNDA DALAM KALANGAN MURID BUKAN MELAYU TAHUN 5 SEMASA MENULIS KARANGAN: SATU KAJIAN KES

Fakrul Husaini bin Abd Malik<sup>1</sup>, Noradzimah binti Abd Majid<sup>2</sup>, \*Fauziah Hanim binti Md Yusof<sup>3</sup>

<sup>1,2,3</sup>Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh, Ulu Kinta, 31150 Perak

\*Corresponding author

## ABSTRAK:

Kajian ini bertujuan untuk meneroka faktor pengaruh bahasa ibunda dan struktur ayat bahasa ibunda dalam kalangan murid bukan Melayu berdasarkan penulisan karangan murid Tahun 5. Metodologi kajian yang digunakan berbentuk pendekatan kualitatif dan kaedah kajian kes. Kajian ini dijalankan di sebuah sekolah kebangsaan di kawasan Ipoh, Perak. Kajian ini mengambil tiga orang murid Tahun 5 sebagai peserta kajian. Kaedah kajian terdiri daripada temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Kajian ini turut menggunakan Teori Analisis Kesalahan Corder (1973). Data kajian diperolehi dengan menggunakan instrumen seperti borang protokol temu bual, senarai semak pemerhatian dan senarai semak analisis dokumen. Dapatan kajian merumuskan bahawa kesemua peserta kajian dipengaruhi oleh bahasa ibunda dan mengalami masalah dalam membina ayat serta menggunakan perkataan bahasa ibunda dalam penulisan karangan. Kajian ini turut memberikan cadangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), pihak sekolah, guru dan memberikan cadangan lanjutan kepada penyelidik-penyelidik akan datang. Oleh itu, semua pihak perlu berganding bahu dalam menangani masalah pengaruh bahasa ibunda dalam kalangan murid bukan Melayu.

**Kata Kunci:** Pengaruh bahasa ibunda, struktur ayat dan perkataan bahasa ibunda, bahasa ibunda, murid Tahun 5

## 1. PENGENALAN

Bahasa Melayu merupakan bahasa komunikasi yang sering kali digunakan oleh semua kaum di Malaysia. Hal ini selari dengan Perkara 152 yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan di mana bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan. Dalam pada itu, penggunaan bahasa Melayu ini amat dititikberatkan dalam kalangan kaum bagi memudahkan proses komunikasi dan proses memahami maklumat yang ingin disampaikan dengan baik. Penggunaan satu bahasa ini juga secara tidak langsung memberikan satu identiti yang tersendiri kepada sesebuah negara (Siti Nor Azhani, Adlina dan Ku Hasnita, 2017). Dalam mencapai hasrat Perkara 152, pelaksanaannya telah dimulakan dalam sistem pendidikan bagi membangkitkan semangat rakyat untuk menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi.

Bahasa kebangsaan ini merupakan bahasa yang perlu digunakan oleh kesemua masyarakat yang tinggal di bawah satu pentadbiran dan bumbung yang sama bagi memudahkan pelaksanaan urusan sama ada perniagaan, perdagangan, pendidikan dan sebagainya. Penggunaan bahasa kebangsaan sangat diperlukan bagi memberi kemudahan kepada rakyat untuk menggunakan bahasa yang mudah difahami sekali gus mampu untuk mengangkat bahasa kebangsaan sebagai bahasa yang menjadi kebanggaan rakyat. Hal ini dikatakan demikian kerana, bahasa Melayu merupakan asas jati diri, asas pemikiran dan pandangan hidup dalam melahirkan sebuah bangsa yang bermaruah.

Sehubungan itu, Malaysia mempunyai masyarakat majmuk ini terdiri daripada pelbagai

bahasa yang dituturkan oleh kaum masing-masing. Setiap kaum di Malaysia mempunyai bahasa ibunda yang tersendiri. Jika dilihat kaum Melayu berbahasa Melayu, kaum Cina berbahasa Mandarin dan kaum India berbahasa Tamil. Kewujudan pelbagai bahasa ibunda ini juga telah memberi cabaran besar kepada sistem pendidikan hari ini terutamanya dalam pembelajaran bahasa Melayu. Hal ini secara tidak langsung menjadikan murid-murid mudah terpengaruh dengan penggunaan bahasa ibunda mereka sama ada dalam penulisan mahupun pertuturan khususnya kepada murid bukan Melayu.

Dalam pada itu, perkara ini kerap kali dapat dilihat apabila sebahagian besar murid bukan Melayu di negara kita masih lagi mempunyai masalah untuk menggunakan bahasa Melayu dengan betul. Pengaruh bahasa ibunda yang begitu kuat ini berlaku disebabkan oleh persekitaran murid-murid bukan Melayu yang berada dalam kelompok yang sama (Norizan, 2018). Rentetan daripada ini, murid-murid bukan Melayu mudah terpengaruh dengan bahasa ibunda mereka berbanding bahasa kebangsaan sekali gus mengaplikasikan penggunaan bahasa ibunda ini dalam penulisan mereka. Oleh itu, pengaruh bahasa ibunda kaum masing-masing ini telah menjadikan seseorang murid kurang mahir dalam mempraktikkan penggunaan bahasa dan ayat yang betul dalam penulisan.

Maka, pengaruh bahasa ibunda dalam kalangan murid bukan Melayu perlu diatasi dengan kadar segera. Hal ini bertujuan untuk mengelakkan murid-murid daripada terus menerus melakukan kesilapan yang sama semasa menulis karangan. Oleh sebab itu, kajian ini amat penting untuk mengetahui pengaruh bahasa ibunda dalam kalangan murid bukan Melayu semasa menulis karangan.

### **1.1 Pernyataan Masalah**

Karthees dan Mahendran (2014) menyatakan bahawa pengaruh bahasa ibunda telah mengganggu penguasaan bahasa kedua dengan lebih baik kerana ciri-ciri yang ada dalam bahasa ibunda digunakan dalam pembelajaran bahasa kedua. Perkara ini menunjukkan bahawa pengaruh bahasa ibunda dalam kalangan murid bukan Melayu sangat kuat sehingga mereka terbawa-bawa pengaruh bahasa tersebut dalam pembelajaran bahasa Melayu. Hal ini disokong melalui kajian yang dilakukan oleh Ooi dan Vijayaletchumy (2017) yang menyatakan bahawa kebanyakan mereka yang gagal dalam bahasa Melayu ini sering kali mencampuradukkan bahasa ibunda mereka dalam penggunaan bahasa Melayu. Secara tidak langsung, perkara ini akan menimbulkan pengaruh bahasa ibunda tersebut dalam mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.

Selain itu, masalah pembelajaran yang kerap kali dihadapi oleh murid bukan Melayu adalah dari aspek penulisan. Hal ini dapat dilihat apabila kebanyakan murid bukan Melayu tidak dapat menguasai aspek tatabahasa dengan baik terutamanya dari segi struktur ayat, imbuhan, golongan kata, tanda baca dan sebagainya. Perkara ini telah disokong melalui kajian Chew (2016) yang menyatakan bahawa kesalahan imbuhan, golongan kata dan struktur ayat merupakan kesalahan lazim dan kerap kali ditemui dalam penulisan murid-murid bukan Melayu. Tambahan pula, kajian yang dijalankan oleh Zdonrenko dan Paradis (2018) juga menyokong bahawa pengaruh bahasa ibunda boleh menimbulkan pelbagai gangguan seperti ejaan, penggunaan perkataan dan sebagainya terutamanya dalam penulisan. Secara tidak langsung, perkara ini jelas menunjukkan bahawa pengaruh bahasa ibunda dalam kalangan murid bukan Melayu memberi kesan terhadap aspek tatabahasa. Akhir sekali, kesukaran yang dialami pelajar Cina dalam mempelajari bahasa Melayu kerap kali dapat dilihat melalui proses ejaan, iaitu penukaran huruf 'r' dan 'l' seperti lari menjadi lali (Hasmidar et al., 2018). Bagi pelajar India pula, proses penggantian fonem vokal daripada bahasa Tamil kepada bahasa Melayu paling kerap dijumpai dalam penulisan seperti penggantian /e/ kepada /a/, /u/ kepada /o/, /i/ kepada /e/ dan banyak lagi (Suthanthiradevi J. N. Money, 2014). Perkara ini telah menjelaskan bahawa kedua-dua pengkaji ini menyatakan bahawa pengaruh bahasa ibunda memberi kesan yang



mendalam kepada pembelajaran bahasa Melayu terutamanya aspek tatabahasa. Sehubungan itu, dapat dilihat bahawa kebanyakan murid bukan Melayu mengalami masalah yang besar dalam kemahiran menulis terutamanya aspek tatabahasa dan sekali gus memberi kesan dalam mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua kerana mempunyai pengaruh bahasa ibunda.

Secara rangkuman, penyelidik-penyelidik lepas mengkaji berkaitan pengaruh bahasa ibunda dalam pembelajaran bahasa Melayu berdasarkan aspek-aspek tertentu. Walaupun kajian banyak dilakukan oleh para penyelidik, namun kajian yang dilakukan lebih tertumpu kepada sekolah menengah dan peringkat yang lebih tinggi berbanding peringkat rendah. Oleh itu, kajian ini perlu dilaksanakan untuk melihat sejauh mana pengaruh bahasa ibunda semasa menulis Karangan Bahasa Melayu dalam kalangan murid bukan Melayu di sekolah rendah.

## 1.2 Objektif Kajian

Kajian ini mempunyai objektif kajian seperti berikut:

- i. Mengenalpasti faktor yang mempengaruhi penggunaan bahasa ibunda dalam penulisan karangan bahasa Melayu bagi murid bukan Melayu tahun 5.
- ii. Mengenalpasti pengaruh bahasa ibunda terhadap pembinaan struktur ayat penulisan karangan bahasa Melayu murid tahun 5.

## 1.3 Soalan Kajian

Kajian ini dijalankan bagi menjawab setiap persoalan yang dikemukakan seperti berikut:

- i. Apakah faktor yang mempengaruhi penggunaan bahasa ibunda dalam penulisan karangan bahasa Melayu bagi murid bukan Melayu tahun 5?
- ii. Apakah pengaruh bahasa ibunda terhadap pembinaan struktur ayat penulisan karangan bahasa Melayu murid tahun 5?

## 2. METODOLOGI KAJIAN

### 2.1 Reka Bentuk

Reka bentuk kajian ini ialah menggunakan kaedah kajian kes dan pendekatan kualitatif. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif kerana kajian kes ini merupakan satu kajian yang berkeupayaan untuk menyokong sesuatu siasatan dengan lebih mendalam dan terperinci bagi sesuatu kes (Fuad, 2017). Kajian ini juga melihat berkaitan dengan kes yang berlaku dalam kalangan murid Tahun 5 bukan Melayu terutamanya berkaitan pengaruh bahasa ibunda. Kaedah kajian kes ini mendorong pengkaji mengumpulkan maklumat terperinci mengenai sesuatu yang berlaku dan penyebab sesuatu tindakan (Boon 2018). Selain itu, pendekatan yang digunakan dalam melaksanakan kajian kes ini ialah pendekatan kualitatif. Pendekatan kualitatif digunakan dalam kajian ini merangkumi temu bual, pemerhatian dan penelitian dokumen terhadap peserta kajian. Data-data daripada temu bual, pemerhatian dan penelitian dokumen dikumpulkan dan ditafsirkan dalam bentuk kualitatif.

### 2.2 Sampel Kajian

Populasi kajian ini adalah terdiri daripada kalangan murid Tahun 5 bukan Melayu yang lemah dalam menulis karangan dan mempunyai pengaruh bahasa ibunda. Selain itu, populasi kajian ini terdiri daripada kalangan murid Tahun 5 bukan Melayu. Pengkaji memilih untuk

melaksanakan kajian ini kepada murid Tahun 5 bukan Melayu kerana pengkaji ingin mengetahui dan memperoleh maklumat penting tentang pengaruh bahasa ibunda dalam kalangan murid Tahun 5 bukan Melayu yang lemah dalam menulis karangan. Kaedah pensampelan yang dipilih dalam melaksanakan kajian ini ialah kaedah pensampelan bertujuan di mana peserta kajian yang dipilih hendaklah memenuhi ciri-ciri yang dikehendaki oleh pengkaji. Hal ini bertepatan dengan pandangan Norizah et al. (2014) menyatakan bahawa penggunaan pensampelan bertujuan adalah untuk membolehkan pengkaji menentukan peserta kajian yang sesuai dan khusus dengan tujuan kajiannya. Oleh itu, pengkaji memilih sampel kajian yang lemah dalam penulisan karangan dan memperoleh tahap kurang memuaskan dan pencapaian tahap minimum berdasarkan tahap pencapaian penulisan karangan.

### **2.3 Instrumen Kajian**

Dalam kajian ini, terdapat tiga instrumen kajian yang digunakan iaitu borang temu bual, senarai semak pemerhatian dan senarai semak analisis dokumen. Huraian bagi instrumen kajian seperti berikut:

i. Borang temu bual

Ahmad Sunawari (2009) menyatakan temu bual adalah soal selidik atau alat yang digunakan oleh pengkaji untuk mengumpulkan pengetahuan lisan melalui komunikasi bersemuka dengan peserta kajian. Dalam temu bual ini, pengkaji menggunakan temu bual secara berstruktur. Melalui temu bual ini, pengkaji mudah untuk mendapatkan respons daripada peserta kajian. Pengkaji juga menggunakan borang temu bual sebagai panduan dalam sesi soal jawab agar soalan yang ditanya memfokuskan kepada skop yang dikehendaki.

ii. Senarai semak pemerhatian

Pemerhatian ini membantu pengkaji untuk mengumpulkan data yang boleh menambah kepercayaan kepada penyelidikan yang dilakukan. Data yang dikumpulkan melalui pemerhatian dapat memberikan maklumat yang lebih jelas dan meningkatkan kebolehppercayaan terhadap analisis yang dijalankan (Barney dan Anselm, 2017). Pemerhatian ini dilakukan bagi melihat faktor luaran yang menyebabkan berlakunya pengaruh bahasa ibunda dalam kalangan murid bukan Melayu. Dalam senarai semak, penulis turut mencatat hasil pemerhatian yang dilihat pada ruangan catatan.

iii. Senarai semak analisis dokumen

Senarai semak analisis dokumen bertujuan untuk membuat tinjauan dan penyelidikan terhadap kemahiran murid bukan Melayu dalam menulis karangan. Melalui tinjauan ini dapat mengetahui sejauh mana murid bukan Melayu mempunyai pengaruh bahasa ibunda dalam menulis karangan. Dalam analisis dokumen, pengkaji melihat kepada karangan yang dilakukan oleh peserta kajian berdasarkan soalan yang diberikan oleh pengkaji. Berdasarkan karangan yang dihasilkan, penulis menganalisis pengaruh bahasa ibunda yang terdapat dalam karangan tersebut.

### **2.4 Analisis Data**

Pengkaji menganalisis data secara deskriptif berdasarkan kepada instrumen yang digunakan. Bagi temu bual, pengkaji menyediakan transkripsi temu bual yang dilakukan bersama-sama peserta kajian. Melalui transkripsi ini, pengkaji dapat melihat jawapan yang

diberikan oleh peserta kajian dengan jelas dan mampu menganalisis data tersebut. Seterusnya, bagi pemerhatian pula, pengkaji telah mempersembahkan hasil pemerhatian dalam bentuk jadual. Akhir sekali, bagi analisis dokumen, pengkaji telah menyemak karangan yang ditulis oleh peserta kajian dan membuat kategori mengikut aspek yang hendak dikaji. Ketiga-tiga instrumen yang digunakan dianalisis bagi mempersembahkan data yang diperoleh hasil daripada kajian yang dilakukan.

### **3. DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

#### **Pengaruh bahasa ibunda dalam kalangan murid bukan Melayu berdasarkan penulisan karangan murid Tahun 5**

Kajian ini mendapati bahawa Peserta Kajian 1 (PK1) dipengaruhi oleh pengaruh bahasa ibunda apabila PK1 mengalami masalah kekurangan kosa kata. Kekurangan kosa kata menyebabkan PK1 sukar untuk menulis karangan dengan baik. Selain itu, PK1 turut menghadapi masalah untuk memahami soalan tugas dengan baik. Perkara ini menjadi cabaran kepada PK1 dalam menulis karangan dengan baik. Lain daripada itu, PK1 kurang menggunakan bahasa Melayu di rumahnya dan sering menggunakan bahasa ibundanya. Perkara ini serba sedikit menjadi faktor pendorong kepada PK1 menggunakan bahasa ibunda dalam penulisan karangan. PK1 turut menggunakan bahasa ibunda semasa membina ayat. Hal ini dikatakan demikian kerana PK1 tidak dapat membina ayat yang panjang dalam bahasa Melayu dengan gramatis dan baik.

Seterusnya, Peserta Kajian 2 (PK2) turut mempunyai masalah yang sama dengan PK1, iaitu kurang kosa kata dalam bahasa Melayu. Bukan itu sahaja, PK2 turut menyatakan bahawa PK2 kurang faham perkataan dalam bahasa Melayu menyebabkan PK2 lebih selesa menggunakan bahasa Inggeris ataupun bahasa ibunda sebelum diterjemahkan ke bahasa Melayu. Perkara ini menunjukkan bahawa terdapat pengaruh bahasa ibunda dalam PK2. Selain itu, PK2 turut menggunakan bahasa ibunda semasa membina ayat pada setiap masa. PK2 menyatakan sedemikian kerana PK2 tidak dapat menulis ayat dengan baik jika ditulis dalam bahasa Melayu secara terus dan masih terikat dengan bahasa ibunda. Dalam pada itu, faktor yang menyebabkan PK2 mudah terpengaruh dengan bahasa ibunda kerana PK2 kerap kali menggunakan bahasa Tamil semasa bercakap di rumah dan menyebabkan PK2 terikut-ikut bahasa percakapan tersebut dalam penulisan. Suasana pembelajaran di rumah yang kurang bermotivasi turut memberi kesan PK2 lemah dalam bahasa Melayu. Akhir sekali, dapatan kajian bagi Peserta Kajian 3 (PK3) pula ialah PK3 mengalami masalah kekurangan idea dalam menulis karangan menyebabkan PK3 tidak dapat menghuraikan isi karangan dengan baik. PK3 turut menggunakan perkataan bahasa ibunda dan perkataan yang kurang tepat sehingga menjejaskan maksud ayat. Selain itu, PK3 turut menggunakan bahasa ibunda semasa membina ayat dan menulis karangan sama seperti PK1 dan PK2. Hal ini jelas menunjukkan bahawa pengaruh bahasa ibunda sangat kuat kepada kesemua PK ini. Tambahan pula, PK3 ini kerap menggunakan bahasa ibunda kerana PK3 mudah terikut dengan bahasa yang dituturkan oleh ahli keluarga. PK3 juga kurang menguasai bahasa Melayu dengan baik sekali gus memberikan masalah kepada PK3 dalam menulis karangan dengan baik. Dapatan juga mendapati bahawa PK3 menyatakan bahasa Melayu sangat susah dan menyebabkan PK3 sering menggunakan bahasa ibunda terlebih dahulu semasa membina ayat sebelum menterjemahkannya ke bahasa Melayu. Perkara ini akan menyebabkan berlakunya kesalahan dalam struktur tatabahasa kerana terjemahan yang dilakukan kemungkinan akan mengalami kesalahan dan tidak tepat dalam bahasa Melayu.

Secara keseluruhannya, PK1 dan PK2 menggunakan bahasa ibunda kerana mereka kurang faham dan lemah dalam bahasa Melayu. Perkara ini memberikan kesukaran kepada mereka dalam menguasai bahasa Melayu dengan baik dan menghasilkan penulisan karangan

yang berkualiti. Manakala, PK3 pula berpendapat bahawa bahasa Melayu sangat susah menyebabkan PK3 lebih gemar menggunakan bahasa ibunda sebelum menterjemahkannya ke dalam bahasa Melayu. Punca-punca yang dinyatakan oleh kesemua PK ini amatlah relevan dan menyebabkan mereka lebih selesa dan terpengaruh menggunakan bahasa ibunda semasa menulis Karangan Bahasa Melayu.

### **Struktur ayat dan perkataan bahasa ibunda yang digunakan dalam penulisan karangan murid bukan Melayu Tahun 5**

Dapatan kajian mendapati bahawa PK1 menyusun perkataan tanpa mengambil kira sebarang aspek dalam bahasa Melayu. PK1 turut meletakkan perkataan tersebut asalkan menjadi ayat yang lengkap. Hal ini dikatakan demikian kerana PK1 kurang kosa kata dan kurang memahami bahasa Melayu dengan baik. Melalui analisis dokumen, pengkaji mendapati bahawa PK1 melakukan kesalahan hasil daripada pengaruh bahasa ibunda seperti kegagalan penggandaan konsonan dan kesalahan struktur ayat. Berdasarkan kepada karangan yang ditulis, pengkaji mendapati bahawa ayat yang dibina oleh PK1 lebih terarah kepada susunan dalam bahasa Tamil dan mengikut bahasa percakapan. Lain daripada itu, kegagalan penggandaan konsonan ini turut membuktikan bahawa PK1 mempunyai pengaruh terhadap bahasa ibunda kerana bahasa Tamil jarang terdapat penggandaan huruf.

Seterusnya, PK2 pula menyusun perkataan mengikut apa yang diketahui dalam bahasa ibundanya. PK2 menjadikan bahasa ibundanya sebagai bahasa utama untuk dirujuk dalam membina dan menyusun perkataan. Tambahan pula, ada kalanya, PK2 meletakkan sahaja perkataan tersebut dalam mana-mana ayat apabila perkataan tersebut kurang difahami. Hal ini jelas dapat dilihat melalui karangan yang ditulis oleh PK2 apabila beberapa kesalahan dikenal pasti seperti kesalahan struktur ayat, kesalahan ejaan dan pengaruh penggunaan huruf besar. Jika dilihat, dalam kesemua perenggan karangan yang ditulis oleh PK2 mempunyai kesalahan yang struktur ayat yang ketara. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa PK2 mempunyai pengaruh bahasa ibunda. Pengaruh penggunaan huruf besar pada PK2 juga merupakan salah satu pengaruh bahasa ibunda kerana dalam bahasa Tamil penggunaan huruf besar tidak ditekankan pada permulaan huruf.

Akhir sekali, pengkaji mendapati bahawa PK3 mempunyai masalah yang sama dengan PK1 dalam menyusun perkataan, iaitu PK3 menyusun perkataan tersebut tanpa mengambil kira apa-apa sehinggakan perkataan yang disusun menjadi satu ayat lengkap. Hal ini serba sedikit menjadikan susunan perkataan itu dan ayat yang dibina adalah kurang tepat. PK3 turut melakukan beberapa kesalahan dalam penulisan karangan mereka, iaitu kesalahan struktur ayat, kesalahan ejaan dan pengaruh penggunaan huruf besar. Dalam penulisan karangan PK3, pengkaji mendapati bahawa kesalahan pengaruh penggunaan huruf besar sangat kerap dilakukan oleh PK3. Perkara ini menunjukkan bahawa PK3 mempunyai pengaruh bahasa ibunda itu. Selain itu, PK3 turut melakukan kesalahan struktur ayat apabila ayat yang dibina tergantung dan kurang tepat. Dari aspek kesalahan ejaan, pengkaji mendapati bahawa ejaan yang ditulis oleh PK3 berdasarkan sebutan yang disebut. Oleh itu, PK3 turut mengalami masalah dalam susunan perkataan dan struktur ayat kerana terpengaruh dengan bahasa ibunda.

Secara keseluruhannya, kesemua PK ini menggunakan perkataan bahasa ibunda dalam penulisan karangan mereka. Mereka juga dipengaruhi oleh bahasa ibunda. Hal ini jelas dapat dilihat melalui analisis yang dilakukan berdasarkan kepada tema yang ditetapkan oleh pengkaji. Jika dilihat PK1 dan PK2 paling kerap mengalami kesalahan struktur ayat. Hal ini berlaku apabila PK1 dan PK2 banyak menterjemahkan ayat tersebut daripada bahasa ibundanya sebelum ditulis dalam bahasa Melayu. Tambahan pula, kesalahan struktur ayat dan penggunaan bahasa ibunda paling banyak dikesan dalam PK1 kerana PK1 menulis karangan terlalu panjang dan menggunakan ayat yang berbelit-belit berbanding PK3 yang hanya menulis karangan pendek

tetapi struktur ayat dan penggunaan bahasa ibunda lebih baik berbanding PK1.

#### 4. KESIMPULAN, IMPLIKASI, DAN CADANGAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa peserta kajian dipengaruhi oleh bahasa ibunda semasa menulis Karangan Bahasa Melayu. Hal ini dapat dibuktikan apabila peserta kajian kerap kali menggunakan bahasa ibunda semasa menulis karangan. Tambahan pula, peserta kajian juga turut dipengaruhi oleh faktor persekitaran seperti kurang menggunakan bahasa Melayu semasa berada di rumah dan tidak minat untuk mempelajari bahasa Melayu. Hal ini menjadikan peserta kajian mengalami kesukaran untuk menghasilkan karangan dengan baik disebabkan mudah terpengaruh dengan bahasa komunikasi bahasa ibunda mereka.

Selain itu, dapatan ini hampir sama dengan kajian Siti Baidura dan Nurul Jamilah (2016) yang menyatakan bahawa pelajar Cina yang menguasai bahasa Mandarin sangat sukar untuk menerima pembelajaran bahasa Melayu kerana sering terikat dengan pengaruh bahasa ibunda. Selain itu, dalam kajian Noor Habsah dan Yahya (2018) menyatakan bahawa pengaruh bahasa ibunda yang kuat menyebabkan pelajar-pelajar bukan Melayu lebih terarah menggunakan bahasa ibunda mereka dalam penulisan karangan. Perkara ini turut disokong melalui kajian Karthegees dan Mahendran (2014) dan Norehan (2016) yang menyatakan bahawa murid saling bergantung dengan bahasa ibunda menyebabkan mereka mengalami kesukaran untuk memahami bahasa kedua dengan baik sekali gus menghasilkan penulisan yang baik. Hasil dapatan kajian yang disenaraikan membuktikan bahawa pengaruh bahasa ibunda mampu mempengaruhi murid bukan Melayu semasa penulisan karangan.

Pengkaji turut mendapati bahawa peserta kajian mempunyai masalah dalam membina ayat secara gramatis dan menggunakan perkataan-perkataan bahasa ibunda. Perkara ini dapat dibuktikan melalui penulisan karangan yang dilakukan oleh murid. Dalam penulisan karangan tersebut, kebanyakan ayat yang ditulis diterjemahkan secara terus daripada bahasa ibunda ke bahasa Melayu. Tambahan lagi, peserta kajian juga menggunakan perkataan-perkataan bahasa ibunda disebabkan oleh mereka kurangnya kosa kata dan terpengaruh dengan bahasa ibunda mereka.

Dapatan kajian ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Rozana (2020) yang menyatakan bahawa murid-murid bukan Melayu ini kerap kali mengalami masalah kosa kata yang terhad. Bukan itu sahaja, Noor Habsah dan Yahya (2018) turut mempunyai pandangan yang sama iaitu kekurangan kosa kata dalam murid bukan Melayu menyebabkan mereka sukar untuk memulakan penulisan dan lebih terarah untuk menggunakan bahasa ibunda dalam melahirkan idea. Perkara ini turut disokong melalui kajian yang dilakukan oleh Alhaadi dan Zaitul Azma Zainon (2018) dan Amirra Shazreena dan Vijayaletchumy (2019) yang menyatakan bahawa kebanyakan murid bukan Melayu melakukan kesilapan dalam mengeja perkataan, iaitu aspek morfologi dan kerap kali membina ayat yang tidak gramatis dalam penulisan mereka.

Dari aspek pengetahuan, kajian ini berupaya memberitahu semua pihak bahawa, murid bukan Melayu iaitu murid India mempunyai pengaruh bahasa ibunda yang kuat terutamanya ketika menulis kerana mereka gemar menterjemahkan bahasa ibunda mereka ke dalam bahasa Melayu. Kebanyakan murid bukan Melayu menjadikan bahasa pertuturan sebagai bahasa penulisan yang diterjemahkan untuk membentuk binaan ayat. Bagi mengatasi masalah ini, guru hendaklah mencari alternatif terhadap murid-murid yang bermasalah dan meminta mereka membuat refleksi terhadap diri demi membantu mereka menguasai kemahiran menulis Karangan Bahasa Melayu. Melalui kajian ini, guru-guru dapat memperoleh ilmu baharu dalam mencari inisiatif untuk mengatasi pengaruh bahasa ibunda yang berlaku ini. Maka, kajian ini berupaya untuk memberikan pengetahuan baharu serta mengisi kelompangan kajian sedia ada.

Selain itu, dari aspek empirikal, kajian lepas banyak menggunakan pendekatan kualitatif mahupun kuantitatif dalam mengumpul data dan kajian ini menunjukkan empirikal untuk

mengetahui berkaitan pengaruh bahasa ibunda dalam kalangan murid bukan Melayu semasa menulis karangan dan membantu pembaca memperoleh maklumat dan gambaran keseluruhan kajian dengan lebih jelas. Walaupun terdapat kajian-kajian lepas yang mengkaji pengaruh bahasa ibunda, namun kajian tersebut lebih terarah kepada murid di sekolah menengah dan pelajar di Institut Pengajian Tinggi (IPT) sahaja. Oleh itu, kajian ini berupaya untuk mengetahui pengaruh bahasa ibunda yang terdapat dalam kalangan murid bukan Melayu, iaitu murid India semasa menulis karangan. Jelaslah bahawa kajian ini berupaya untuk mengisi kelompangan empirikal dalam aspek kaedah kajian dan sampel kajian yang digunakan.

Sebagai cadangan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) hendaklah memperkasakan dan memperkukuhkan kembali program Memartabatkan Bahasa Melayu (MBM) di sekolah. Program ini berupaya untuk membantu murid-murid bukan Melayu menguasai bahasa Melayu dengan lebih baik. KPM juga hendaklah menyediakan modul asas kepada murid-murid bukan Melayu melalui program MBM ini bagi meningkatkan kecekapan dalam penguasaan bahasa Melayu. Pihak KPM juga boleh menjalankan bengkel kepada Guru-guru Bahasa Melayu terutamanya guru bukan opsyen untuk mengajar murid bukan Melayu menggunakan pendekatan yang sesuai. Selain KPM, pihak sekolah juga pihak sekolah sewajarnya merancang program mahupun bengkel kepada murid-murid bukan Melayu untuk meningkatkan penguasaan bahasa Melayu terutamanya dalam bidang penulisan dan melakukan pemantauan secara berterusan kepada guru-guru dalam memastikan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) bahasa Melayu bagi kemahiran menulis tidak diabaikan

Selanjutnya, guru juga memainkan peranan penting apabila guru boleh mengambil inisiatif dengan memperkenalkan aktiviti 1 hari 1 perkataan. Melalui aktiviti ini, murid-murid terutamanya murid bukan Melayu dapat mempelajari perkataan- perkataan baharu sekali gus mengetahui maksud perkataan itu dengan lebih jelas. Guru juga boleh menghasilkan inovasi cara mudah untuk murid bukan Melayu membina karangan tanpa dipengaruhi oleh bahasa ibunda dan mempraktikkan kaedah pengajaran terbeza. Inovasi yang dihasilkan ini secara tidak langsung mampu membantu murid-murid membina karangan dengan mudah dan dijadikan panduan semasa membina karangan. Kaedah pengajaran terbeza berupaya untuk memudahkan lagi pengajaran bahasa Melayu dan memberikan pembelajaran yang lebih bermakna kepada murid.

Akhir sekali, cadangan untuk penyelidik akan datang ialah melaksanakan kajian berkaitan pengaruh bahasa ibunda dalam kalangan murid bukan Melayu yang berlainan bangsa seperti orang Asli dan masyarakat di pedalaman Sabah dan Sarawak. Hal ini dikatakan demikian kerana kajian berkaitan pengaruh bahasa ibunda dalam kalangan orang Asli dan masyarakat di pedalaman Sabah dan Sarawak adalah kurang. Penyelidik akan datang juga boleh menggunakan pendekatan kajian yang berbeza, iaitu menggunakan kajian tindakan. Pelaksanaan kajian tindakan ini berupaya untuk memperbaiki amalan pengajaran guru ke arah yang lebih baik. Cadangan lanjutan terakhir, melaksanakan kajian berpandukan kepada fokus kajian yang berbeza untuk mendatangkan hasil dapatan yang berbeza serta mampu memberikan pengetahuan yang baharu kepada pembaca tentang fokus kajian yang dikaji.

## RUJUKAN

- Ahmad Sunawari Long. (2009). *Pengenalan metodologi penyelidikan pengajian islam*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Alhaadi Ismail dan Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2018). Analisis kesalahan dalam penulisan pelajar bahasa kedua dari aspek morfologi. *Jurnal Linguistik*, 22(1), 24- 31.
- Amirra Shazreena Aminul Razin dan Vijayaletchumy Subramaniam. (2019). Kesalahan penggunaan imbuhan awalan dan akhiran dalam kalangan murid sekolah jenis kebangsaan tamil berdasarkan teori analisis kesalahan corder (1973). *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 7(1), 3-13.

- Barney G. Glaser dan Anselm L. Strauss. (2017). *Discovery of grounded theory: strategies for qualitative research*. Transaction Publisher.
- Boon, P. Y., Lee, L. H., & Lawrence, A. A. (2017). *Pentaksiran dalam pendidikan*. Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Chew, F. P. (2016). Masalah pembelajaran bahasa melayu dalam kalangan murid Cina sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6(2), 10-22.
- Fuad Mohamed Berawi. (2017). *Metodologi penyelidikan panduan menulis tesis*. UUM Press.
- Hasmidar Hassan, Mardian Shah Omar & Puteri Roslina Abdul Wahid. (2018). Kecelaruhan morfologi dalam penulisan bahasa melayu oleh penutur asing. *Jurnal Linguistik*, 22(22), 20-36.
- Kartheiges Ponniah dan Mahendran Manian. (2014). Pengaruh bahasa ibunda (bahasa tamil) dalam proses pembelajaran bahasa melayu. *Jurnal Ilmu Pendidikan dan Pengajaran*, 1(1), 54-63.
- Noor Habsah Ali dan Yahya Othman. (2018). Strategi pembelajaran kemahiran menulis bahasa melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan pelajar melanau di daerah Daro. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 8 (1), 33-41.
- Norehan Muhamad. (2016). Analisis kesilapan: Satu kajian terhadap karangan murid- murid orang asli. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, 1, 119-136.
- Norizah Aripin, Hasrina Mustafa & Adnan Hussein. (2014). Hubungan kedinamikan dalaman dengan keberkesanan pasukan maya: Satu tinjauan di organisasi bertaraf koridor raya multimedia (MSC) yang terpilih. *Jurnal Komunikasi Malaysian*, 30, 191-218.
- Norizan Che Su. (2018). Pengaruh bahasa ibunda terhadap pembinaan struktur ayat bahasa melayu sebagai bahasa asing. *Jurnal Linguistik*, 22(2), 10-19.
- Ooi, C. H. dan Vijayaletchumy Subramaniam. (2017). Faktor timbulnya pengaruh bahasa pertama dalam mempelajari bahasa melayu sebagai bahasa kedua. *Jurnal Ulum Islamiyyah*, 20, 35 - 45.
- Rozana Jaafar. (2020). Strategi pembelajaran kemahiran mendengar dan menulis dalam kalangan pelajar etnik Cina dan India ketika belajar bahasa melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 10(1), 64-76.
- Siti Baidura Kasiran dan Nurul Jamilah. (2016). Analisis kesalahan tatabahasa bahasa melayu dalam karangan pelajar asing di sebuah institusi pengajian tinggi awam. *Kertas kajian*. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Siti Nor Azhani Mohd Tahar, Adlina Ab Halim & Ku Hasnita Ku Samsu. (2017). Pengukuran tahap pemertabatan bahasa kebangsaan dalam kalangan mahasiswa di institut pengajian tinggi. *Journal of Language Studies*, 17(2), 105-122.
- Suthanthiradevi J. N. Money. (2014). Pengaruh bahasa ibunda dalam proses pembelajaran bahasa melayu murid India. *Tesis*. Universiti Putra Malaysia.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Norizan Che Su. (2016). Penguasaan kosa kata dan kemampuan menulis karangan. *Jurnal Linguistik*, 17(2), 29-38.
- Zdorenko Tatiana dan Paradis Johanne. (2018). The acquisition of article in child second language English: Fluctuation, transfer or both? *Second Language Research*, 24(2), 227-250.